

TAHAP KESEDARAN TERHADAP PELAN INTEGRITI POLIS DIRAJA  
MALAYSIA 2016-2020 DALAM KALANGAN PEGAWAI POLIS DI DAERAH  
KLANG, SELANGOR

RAZI BIN JAAFAR

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Falsafah



Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

DISEMBER 2021

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian ke hadrat Allah SWT yang Maha Besar dan Maha Pengasih kerana dengan keizinan dan limpah kurnia serta cahaya petunjuk Nya maka dapatlah saya menyiapkan kajian ini dengan penuh jayanya. Tesis penyelidikan ini tidak akan dapat disiapkan tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan buat penyelia saya iaitu Dr. Khairol Anuar Bin Kamri di atas kesabaran di dalam memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat di sepanjang beliau menyelia tesis ini.

Ucapan terima kasih juga buat keluarga yang begitu tabah menghadapi pelbagai dugaan sepanjang pengajian serta sentiasa memberi semangat untuk terus berjuang mencapai kejayaan dan tidak lupa buat rakan sekkerja juga yang turut memberi semangat yang positif dalam kejayaan ini.

Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada semua pegawai polis di daerah Klang Selatan yang telah memberikan sepenuh kerjasama dan bantuan yang diperlukan sepanjang kajian ini dijalankan. Akhir sekali, Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan pelbagai pihak yang lain yang telah memberikan bantuan serta kerjasama kepada saya di mana saya tidak menyebut nama mereka di sini, semoga anda semua mendapat balasan dan rahmat yang lebih baik daripada Allah SWT.

## ABSTRAK

Kerajaan berusaha memantapkan integriti bagi memastikan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam seperti pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui perlaksanaan Pelan Integriti PDRM 2016-2020. Kajian ini adalah mengenai tahap kesedaran terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan dengan menggunakan Model KAP (*Knowledge, Attitude, Practice*). Objektif kajian adalah mengenal pasti tahap kesedaran terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 melalui pengetahuan, sikap dan amalan dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan, mengenal pasti faktor situasi terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan, mengkaji hubungan antara pengetahuan, sikap, dengan amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan dan mengkaji hubungan antara faktor situasi dengan amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengaplikasikan reka bentuk tinjauan. Seramai 260 responden dipilih secara pensampelan rawak mudah dan diedarkan dengan borang soal selidik yang dibina berdasarkan Pelan Integriti PDRM 2016-2020. Ujian analisis skor min digunakan untuk menjawab objektif satu dan dua manakala bagi objektif tiga dan empat adalah analisis Korelasi Spearman. Dapatan kajian mendapati tahap kesedaran terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis Klang Selatan berada pada tahap yang tinggi. Tahap kesedaran tinggi ini disumbangkan oleh tahap amalan, tahap pengetahuan dan tahap sikap pegawai polis. Faktor situasi didapati turut memainkan peranan terhadap amalan integriti. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, sikap, situasi dengan amalan. Kesimpulannya ialah tahap kesedaran tinggi pegawai polis terhadap sesuatu program atau pelan perlu mengambil kira keadaan atau situasi yang sedang dihadapi oleh pegawai polis. Faktor situasi turut memberi implikasi terhadap amalan integriti pegawai polis.

## **ABSTRACT**

The Government strives to strengthen integrity to ensure the effectiveness of the public service delivery system such as the Royal Malaysian Police (RMP) through the implementation of the PDRM Integrity Plan 2016-2020. This study is about the level of awareness of the PDRM Integrity Plan 2016-2020 among police officers in the district of South Klang by using KAP model (Knowledge. Attitude and Practices). The objective of this study is to identify the level of awareness of the PDRM Integrity Plan 2016-2020 through knowledge, attitude and practice among police officers in the district of South Klang, to identify the situation factor on the PDRM Integrity Plan 2016-2020 among police officers in the South Klang district, to study the relationship of knowledge, attitudes, and practices against the PDRM Integrity Plan 2016-2020 among police officers in the South Klang district and to study the relationship of situation factor againsts the PDRM Integrity Plan 2016-2020 among police officers in the South Klang district. This study uses a quantitative method by applying a survey design. A total of 260 respondents were selected by simple random sampling and distributed with a questionnaire based on the PDRM Integrity Plan 2016-2020. Objective one and two were analyzed by score min test and the third objective were analyzed by Spearman Correlation Test. The study result show that the level of awareness toward PDRM Integrity Plan is high. The level of awareness is contribute by the level of practices, the level of knowledge and the level of attitude. The situational factor also play role towards the integrity practices. This study also show there is a significant relationship between knowledge, attitude, and situational factor with the practices. In conclusion, the situational factor is crucial to ensure the high level of awareness towards a certain plans or programme among police officer. The situational factor also have an implication toward the integrity practices among police officer.

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / TATANAMA / ISTILAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Permasalahan kajian	6
1.4 Persoalan kajian	11
1.5 Objektif kajian	12
1.6 Hipotesis kajian	12
1.7 Kerangka kajian	13

1.8	Kepentingan kajian	14
1.9	Skop dan limitasi kajian	16
1.10	Definisi konseptual dan operasional	16
1.10.1	Kesedaran	16
1.10.2	Integriti	17
1.10.3	Pengetahuan	17
1.10.4	Sikap	17
1.10.5	Amalan	17
1.10.6	Faktor situasi	18
1.11	Penulisan bab	18
1.12	Kesimpulan	19
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
2.1	Pengenalan	21
2.2	Kekurangan Integriti dalam perkhidmatan awam	22
2.3	Kekurangan Integriti dalam kalangan pegawai polis	25
2.4	Sejarah Polis Diraja Malaysia (PDRM)	29
2.5	Sejarah Pelan Integriti PDRM	31
2.6	Kajian lepas mengenai integriti dan institusi kepolisan	34
2.7	Model dan teori yang berkaitan	39
2.7.1	Model KAP	39
2.7.2	Model Peramal Tingkah Laku Bertanggungjawab	41

2.7.3	Model kajian	42
2.8	Kesimpulan	43
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>45</b>
3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka bentuk kajian	45
3.3	Populasi kajian	46
3.4	Pensampelan kajian	47
3.5	Kaedah pengumpulan data	47
3.6	Instrumen Kajian	48
3.6.1	Bahagian A:	54
3.6.2	Bahagian B	54
3.6.3	Bahagian C	55
3.6.4	Bahagian D	57
3.6.5	Bahagian E	58
3.7	Kaedah penganalisisan data	59
3.7.1	Ujian analisis skor min	60
3.7.2	Analisa Korelasi Spearman	61
3.8	Kesimpulan	62
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>63</b>
4.1	Pengenalan	63
4.2	Demografi responden	63
4.3	Tahap kesedaran terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	68

4.3.1	Tahap pengetahuan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	69
4.3.2	Tahap sikap terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	70
4.3.3	Tahap amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	73
4.4	Tahap faktor situasi terhadap amalan berpandukan Pelan Integriti PDRM 2016-2020	75
4.5	Hubungan antara pengetahuan, sikap, situasi dengan amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	76
4.5.1	Hubungan pengetahuan dengan sikap terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	76
4.5.2	Hubungan pengetahuan dengan amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	77
4.5.3	Hubungan sikap dengan amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	78
4.6	Hubungan faktor situasi dengan amalan berpandukan Pelan Integriti PDRM 2016-2020	79
4.7	Kesimpulan	80
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN</b>	<b>82</b>
5.1	Pengenalan	82

5.2	Kesedaran terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan	83
5.3	Tahap faktor situasi terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan	87
5.4	Hubungan antara pengetahuan, sikap, dan situasi terhadap amalan berpandukan Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam kalangan pegawai polis di daerah Klang Selatan	90
5.5	Implikasi kajian	92
5.5.1	Implikasi teoritikal	92
5.5.2	Implikasi empirikal	92
5.5.3	Implikasi praktikal	93
5.6	Sumbangan kajian	93
5.7	Cadangan kajian	96
5.7.1	Cadangan kepada PDRM	96
5.7.2	Cadangan kajian lanjutan	99
5.8	Rumusan kajian	100
	<b>RUJUKAN</b>	<b>104</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>114</b>
	<b>VITA</b>	<b>178</b>

## SENARAI JADUAL

3.1	Pengukuran skala ujian	49
3.2	Nilai kebolehpercayaan Alfa Kronbach bagi setiap konstruk	50
3.3	Nilai Alfa Kronbach setiap item bagi konstruk Pengetahuan	50
3.4	Nilai Alfa Kronbach setiap item bagi konstruk Sikap	51
3.5	Nilai Alfa Kronbach setiap item bagi konstruk Amalan	51
3.6	Nilai Alfa Kronbach setiap item bagi konstruk Situasi	52
3.7	Jadual KMO dan ujian Bartlett	53
3.8	Analisis EFA	53
3.9	Kesahan diskriminan	53
3.10	Instrumen bagi tahap pengetahuan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	54
3.11	Instrumen tahap sikap terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	56
3.12	Instrumen tahap amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	57
3.13	Instrumen faktor situasi	58
3.14	Interpretasi skor min	60
3.15	Ujian normaliti	61
3.16	Interpretasi nilai korelasi	62
4.1	Profil jantina	64
4.2	Profil umur	64
4.3	Profil keturunan	65
4.4	Profil kelulusan akademik tertinggi	65
4.5	Profil status perkahwinan	66
4.6	Profil tempoh perkhidmatan	66
4.7	Profil pangkat	67
4.8	Profil jabatan	68

4.9	Analisis skor min pengetahuan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	69
4.10	Analisis skor min sikap terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	72
4.11	Analisis skor min amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	74
4.12	Analisis skor min tahap kesedaran	75
4.13	Analisis skor situasi terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	76
4.14	Korelasi Spearman pengetahuan dan sikap terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	77
4.15	Korelasi Spearman pengetahuan dan amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	78
4.16	Korelasi Spearman sikap dan amalan terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	79
4.17	Korelasi Spearman situasi dan amalan terhadap Pelan Integriti 2016-2020	80

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka kajian	14
2.1	Model KAP	40
2.2	Model Peramal Tingkah Laku Bertanggung	41
2.3	Model kajian	43
5.1	Tahap kesedaran terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	83
5.2	Faktor situasi terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	88
5.3	Kesedaran terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020	91



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **SENARAI SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH**

DCP	-	Deputi Komisioner Polis
DIG	-	Deputi Inspektor General Polis
DSP	-	Deputi Superintendan Polis
IG	-	Inspektor General Polis
INSP	-	Inspektor
JIPS	-	Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard
KONST	-	Konstabel
KPL	-	Koperal
LCE	-	Lower Certificate of Education Form Three
L/KPL	-	Lans Koperal
MCE	-	Malaysian Certificate of Education
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
PMR	-	Peperiksaan Menengah Rendah
PTKPN	-	Perintah Tetap Ketua Polis Negara
SAC	-	Senior Asistan Komisioner
SI	-	Sub-Inspektor
SJN	-	Sarjan
SM	-	Sarjan Mejar
SUPT	-	Superintendan Polis
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
RMP	-	Royal Malaysian Police

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>Lampiran</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
A	Borang Soal Selidik Kajian	114
B	Pelan Integriti PDRM 2016-2020	128



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan antara institusi perkhidmatan awam yang sering menjadi tumpuan dalam usaha peningkatan integriti dan nilai etika moral. Ini disebabkan PDRM berperanan sebagai institusi keselamatan utama untuk menguruskan hal ehwal keamanan, keselamatan dan merupakan pelaksana undang-undang di Malaysia. Perlaksanaan undang-undang oleh PDRM untuk mengawal kestabilan dan keharmonian masyarakat perlu berpandukan kepada akta-akta yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan serta mengutamakan prinsip *Rule of Law* dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut (Megat & Abd Halim, 2017). Oleh itu, kebergantungan masyarakat kepada pihak PDRM untuk menjaga keamanan dan keselamatan mereka serta membanteras pelbagai ancaman memerlukan prestasi tugas yang telus, profesional dan meyakinkan masyarakat. Sekiranya organisasi kepolisan tercemar dan tercaltar dengan tindakan-tindakan yang melanggar etika serta integriti, maka keyakinan masyarakat terhadap institusi kepolisan yang seharusnya melindungi mereka akan terhakis (Klaver, 2008).

Oleh yang demikian pihak PDRM telah mengeluarkan beberapa siri Pelan Integriti PDRM bermula pada tahun 2004. Pelan integiti yang berterusan untuk memastikan setiap anggota dan pegawai polis bergerak seiring dengan visi dan misi PDRM untuk melahirkan anggota dan pegawai polis yang bermoral dan berintegriti tinggi seterusnya memastikan pasukan PDRM merupakan institusi keselamatan yang dipercayai. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesedaran pegawai polis terhadap setiap usaha yang dirancang berdasarkan Pelan Integriti PDRM. Ini

kerana, tindakan atau tingkah laku individu terhadap suatu usaha atau program yang dilaksanakan bermula daripada kesedaran individu tersebut terhadap usaha atau program yang sedang dijalankan (Nor Kalsum, 2016). Kajian ini tidak bertujuan untuk menilai keberkesanan Pelan Integriti PDRM 2016-2020 tersebut. Kajian ini berfokus kepada kesedaran pegawai polis terhadap Pelan Integriti PDRM 2016-2020 dalam konteks pengetahuan, sikap, situasi dan amalan terhadap pelan.

## 1.2 Latar belakang kajian

Keprihatinan untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai integriti yang tinggi serta mengamalkan nilai-nilai yang bermoral sentiasa menjadi tumpuan dalam membangunkan modal insan sebuah negara khususnya dalam kalangan kakitangan sektor awam. Tambahan lagi, kakitangan sektor awam merupakan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam penggubalan, perlaksanaan dan pemberian dasar-dasar kerajaan (Muhammad Aidil, 2011). Kakitangan sektor awam yang mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi dapat melancarkan lagi segala dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan dan keadaan ini membantu meningkatkan tahap kecekapan sistem penyampaian sebuah jabatan kerajaan.

Kakitangan awam yang mempunyai nilai integriti dan moral yang tinggi juga menyumbang kepada tadbir urus kerajaan yang baik. Seluruh jentera negara seperti ahli politik, ahli korporat, kakitangan awam termasuk juga orang awam perlu mempunyai nilai integriti dan moral yang tinggi untuk memastikan kebijakan setiap rakyat dalam negara terpelihara. Integriti dan nilai moral yang tinggi sememangnya diberi perhatian yang serius dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam agar sentiasa memenuhi kepuasan pelanggannya. Ini kerana, tadbir urus terbaik hanya boleh dilestarikan apabila keperluan awam dipenuhi dan rakyat berpuas hati dengan sistem penyampaian awam di Malaysia (Sharifah et al., 2009).

Keprihatinan untuk melahirkan kakitangan awam yang tinggi nilai integriti dan moral telah diterjemahkan oleh kerajaan Malaysia dalam berbagai program. Antaranya adalah Pelan Integriti Nasional 2004 (PIN), pemantapan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), pengenalan kepada Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Results Area* (NKRA) dan juga *National Key Performance Indicator*, (NKPI) (Muhammad Aidil, 2011). Program-program ini selaras untuk memenuhi

keperluan perubahan sosial masyarakat yang menginginkan perkhidmatan awam yang lebih cekap, efisyen dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Program-program ini juga memberi pengaruh kepada imej organisasi perkhidmatan awam dan dapat meningkatkan lagi komunikasi berkesan dua hala antara kakitangan awam dengan masyarakat awam seterusnya melancarkan usaha pembinaan masyarakat yang sejahtera (Kamaruddin et al., 2018).

Integriti merupakan isu yang penting untuk setiap organisasi. Namun, kepentingan integriti terhadap institusi perkhidmatan awam seperti PDRM menjadi lebih signifikan kerana melibatkan penguatkuasaan undang-undang masyarakat awam secara langsung. Secara umumnya, integriti merujuk kepada satu set asas bertingkah laku yang ditetapkan dalam sebuah organisasi dan perlu dipatuhi oleh ahli-ahli dalam organisasi tersebut. Asas bertingkah laku juga disebut sebagai moral dan etika yang perlu ada serta dijadikan sebagai salah satu kriteria penilaian prestasi kakitangan dalam organisasi tersebut.

Integriti penting untuk memastikan sistem penyampaian awam yang berkesan. Kelemahan agensi perkhidmatan awam memastikan seluruh jentera kakitangan mereka mempunyai integriti dan moral yang tinggi akan melunturkan kepercayaan orang awam terhadap perkhidmatan mereka serta mencalar imej perkhidmatan kerajaan secara keseluruhan di mata dunia (KPMG, 2013). Ini disebabkan integriti merupakan faktor penentu dalam menilai prestasi perkhidmatan awam negara, penentu tahap kepercayaan kepada pelabur luar yang ingin membuka pasaran di dalam negara serta faktor utama kepada tadbir urus terbaik kerajaan sebuah negara (OECD, 2009; Haniza et al., 2015).

Kerajaan memandang serius akan usaha untuk melahirkan kakitangan awam yang mempunyai integriti yang tinggi dengan mengurangkan salah laku tatatertib dalam perkhidmatan awam. Keadaan ini bertambah serius apabila melibatkan institusi kepolisan yang diamanahkan dengan bidang kuasa yang besar dan memberi pengaruh yang penting kepada setiap aspek kehidupan masyarakat awam (Sellbom et al., 2007). Bidang kuasa yang besar dan istimewa berbanding institusi umum yang lain menyebabkan institusi kepolisan lebih terdedah dengan kemungkinan berlakunya salah guna kuasa dan jawatan mereka untuk kepentingan peribadi. Perbincangan mengenai tahap integriti dalam kalangan pegawai polis sentiasa berlaku kerana lambakan kes salah laku dalam kalangan pegawai polis (Klockars et al., 2006).

Institusi kepolisan di Kenya misalnya telah berhadapan dengan masalah integriti yang dikatakan dipengaruhi oleh kependudukan British di Kenya. Masalah rasuah dalam kalangan pegawai polis di Kenya mula meruncing selepas era penjajahan British di negara tersebut. Masalah integriti dalam kalangan pegawai polis di Kenya telah mengakibatkan berlakunya perjuangan masyarakat umum di Kenya selama 20 tahun untuk menentang pegawai polis dan kakitangan awam yang terlibat dalam jenayah dan salah laku sehingga tertubuhnya perlembagaan negara Kenya buat kali kedua pada tahun 2010. Meskipun perlembagaan baru di Kenya menekankan integriti dalam perlaksanaan tugas perkhidmatan awam khususnya dalam institusi kepolisan, namun masyarakat umum di Kenya mendapati pegawai atasan polis bersifat kalis undang-undang dan masih lagi berleluasa masalah integriti dalam kalangan pegawai polis terutamanya pegawai atasan (Githui, 2012).

Seterusnya kajian mengenai integriti dalam kalangan pegawai polis di Australia menunjukkan kesanggupan pegawai polis melaporkan salah laku yang dilakukan oleh rakan sejawat mereka dipengaruhi oleh jawatan. Pegawai polis di Australia memahami dengan jelas jenis-jenis salah laku dalam institusi kepolisan di Australia dan mempunyai kesanggupan yang tinggi untuk melaporkan salah laku yang wujud dalam kalangan mereka. Namun begitu, kesanggupan untuk melaporkan salah laku yang berlaku dalam kalangan pegawai polis hanya akan terjadi apabila pegawai polis yang melakukan salah laku tersebut mempunyai jawatan yang lebih rendah daripada mereka. Ini menunjukkan pegawai polis yang berpangkat rendah tidak mempunyai kesanggupan yang tinggi untuk melaporkan salah laku yang berlaku dalam kalangan pegawai polis yang lebih berjawatan tinggi daripada mereka (Louise et al., 2015)

Masalah integriti yang berlaku dalam kalangan pegawai polis seperti di Kenya dan Australia cuba ditangani menerusi beberapa siri usaha. Antara usaha yang giat dijalankan adalah dengan menjalani kursus etika, membina budaya profesionalisme dalam kalangan pegawai polis dan membuat penilaian berkala terhadap tingkah laku dan amalan pegawai polis agar selari dengan kod etika pegawai polis yang telah disediakan (Mathenge, 2014). Usaha-usaha yang dilakukan untuk membanteras masalah integriti dalam kalangan pegawai polis di negara masing-masing berpandukan kepada pelan integriti yang telah dilancarkan seperti *Kenya Integrity Plan 2015-2019* dan *Australia's National Integrity System*.

Hal ini juga diamalkan di Malaysia melalui pelancaran Pelan Integriti Nasional 2004. Malah, institusi kepolisan di Malaysia sendiri mempunyai pelan integriti khusus bagi organisasi tersebut iaitu siri Pelan Integriti PDRM 2007-2010, Pelan Integriti PDRM 2010-2015 dan Pelan Integriti PDRM 2016-2020. Pelan Integriti PDRM 2016-2020 yang bertemakan pemacu kepada budaya organisasi dibina untuk memastikan pencapaian matlamat, visi dan misi PDRM sekali gus merealisasikan wawasan 2020 yang keempat iaitu membina masyarakat yang bermoral dan beretika, tinggi dengan nilai keagamaan dan harmoni. Pelan ini terbahagi kepada lima teras utama meliputi aspek pengurusan pentadbiran dan pematuhan standard, kualiti sistem perkhidmatan, pengurusan sumber manusia, kepolisan moden dan kesejahteraan institusi kekeluargaan.

Kajian mengenai tahap integriti di Malaysia pula telah dilakukan oleh Haniza et al., (2015) yang mengenal pasti tahap integriti pegawai polis di Malaysia. Kajian tersebut telah menunjukkan pegawai polis di Malaysia mempunyai nilai integriti yang tinggi. Ini adalah berdasarkan kepada situasi hipotetikal yang diberikan kepada responden dalam kajian tersebut. Pegawai polis menyedari bahawa situasi hipotetikal yang diberikan amat berkait dengan masalah integriti dan memberikan ketidakpersetujuan yang tinggi sekiranya pegawai polis terlibat dalam situasi-situasi masalah integriti yang diberikan.

Namun, Megat dan Abd Halim (2017) pula mendapati integriti dalam kalangan pegawai polis di Malaysia sedang mengalami kemerosotan dalam sistem perkhidmatan mereka. Maka, Megat & Abd Halim (2017) mendapati terdapat dua faktor yang mempengaruhi kemerosotan integriti dalam kalangan pegawai polis iaitu faktor integriti individu secara peribadi serta faktor budaya integriti dan profesionalisme yang diamalkan di sebuah organisasi polis. Malah, kajian yang dilakukan ini juga menunjukkan faktor budaya integriti dan profesionalisme dalam sebuah organisasi kepolisan memberi pengaruh yang besar kepada sikap dan amalan integriti pegawai polis. Ini menunjukkan budaya integriti yang diamalkan di sebuah organisasi polis seperti di balai polis atau pejabat polis merupakan indikator penting dalam menentukan integriti pegawai polis dalam organisasi tersebut.

### 1.3 Permasalahan kajian

Berdasarkan latar belakang yang telah dibincangkan, integriti dalam institusi kepolisian merupakan satu perkara yang mustahak kerana ianya berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat umum serta masyarakat dunia untuk merasa selamat berada di Malaysia secara khususnya. Integriti juga bukan sahaja budaya penting yang diamalkan oleh sebuah organisasi untuk mempertingkatkan produktiviti dan perkhidmatan tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan kejayaan tadbir urus terbaik sebuah kerajaan (Muhammad Aidil, 2011). Masalah sosial dan ketidakstabilan dalam masyarakat boleh berlaku sekiranya masyarakat mula meragui institusi yang diamanahkan untuk menjaga keamanan dan menjunjung undang-undang negara (Githui, 2014).

Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya pasukan PDRM memandang serius akan usaha-usaha untuk memantapkan nilai integriti dalam kalangan pegawai polis. Usaha-usaha ini giat dijalankan agar kepercayaan daripada masyarakat umum dapat dipertingkatkan serta memperkuuh kedudukan institusi PDRM sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang telus dan amanah. Antara usaha yang dijalankan oleh PDRM adalah mempersiapkan pelatih-pelatih baru dengan ilmu mengenai budaya integriti dan moral, etika kerja dalam pasukan dan piagam pelanggan PDRM agar pelatih-pelatih baharu bersedia menjalankan tugas dengan berintegriti dan mencapai matlamat utama organisasi PDRM.

Antara usaha lain yang dilakukan oleh PDRM adalah seperti pemakaian lencana “Integriti Amalan Kita”, pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberitahu Maklumat (APPM) 2010, pemantauan kawasan bertugas dan penubuhan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS). Terdapat juga penambahbaikan dalam Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi meningkatkan integriti secara lebih mendalam melalui kerjasama daripada Urus Setia KPN Integriti (Tatatertib), cawangan penaziran jabatan dan Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA). Pengukuhan integriti dalam PDRM juga dipertingkatkan melalui perlaksanaan JIPS sama ada di bahagian daerah maupun negeri agar kerjasama antara kedua-dua bahagian ini dapat meningkatkan komunikasi dan ketelusan dalam kalangan pegawai polis.

Kesemua usaha yang dinyatakan merupakan sebahagian daripada isi kandungan Pelan Integriti PDRM 2016-2020. Pelan ini merupakan dasar dan panduan

bagi membina budaya integriti dan etika selaras dengan standard yang ditetapkan. Dalam masa yang sama, pelan ini juga dilaksanakan untuk memastikan Visi dan Misi PDRM dapat dicapai seterusnya membantu negara mencapai wawasan 2020 yang keempat iaitu membina masyarakat yang bermoral, beretika, sarat dengan nilai keagamaan, masyarakat yang harmoni dan menjunjung tinggi nilai budaya yang luhur. Pelan Integriti PDRM 2016-2020 merupakan penambahbaikan daripada pelan integriti yang sebelumnya dengan memberi fokus kepada peningkatan integriti, pematuhan etika standard PDRM dan kesejahteraan institusi kekeluargaan dalam menyampaikan perkhidmatan institusi kepolisan moden kepada masyarakat.

Ini menunjukkan Pelan Integriti PDRM 2016-2020 telah menyediakan panduan yang komprehensif dalam mencapai Visi dan Misi PDRM. Penekanan bukan sahaja ditumpukan kepada etika kerja semata-mata namun turut berfokus kepada kesejahteraan kekeluargaan dalam kalangan pegawai polis sebagai perkara yang penting untuk memperkuuh budaya berintegriti dalam PDRM. Namun begitu, meskipun pelan integriti ini telah disediakan melalui beberapa siri, kes-kes yang melibatkan salah laku dalam kalangan pegawai polis dan kemerosotan integriti kerap kali dilaporkan sama ada menerusi media sosial atau berita.

Tan Sri Abdul Hamid Bador menegaskan bahawa PDRM memandang serius akan pegawainya yang terlibat dengan salah laku dan masalah integriti kerana tindakan tersebut telah mencalar imej dan maruah keseluruhan pasukan PDRM (BH Online, 1 April 2021). PDRM sering berhadapan depan perkara yang boleh mencabar integriti para anggotanya. Kepesatan perkembangan teknologi dan tuntutan keperluan peribadi menyebabkan kredibiliti dan integriti PDRM sering teruji (Megat & Abd Halim, 2016). PDRM bukan sahaja berhadapan dengan jenayah di dalam negara bahkan menerima ancaman hebat dari seluruh dunia. Seperti agensi kerajaan lain, PDRM terpaksa berhadapan dengan masalah disiplin yang melibatkan anggotanya seperti salah guna kuasa, rasuah dan jenayah.

Hal ini dibuktikan oleh lambakan penerimaan aduan daripada masyarakat awam oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard pada tahun 2020 bahawa terdapat sejumlah pegawai polis yang tidak menjalankan siasatan seperti yang dilaporkan (MalaysiaKini, 27 Disember 2020). Tambahan lagi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) kerap menerima aduan berhubung dakwaan salah laku anggota PDRM. Antara aduan yang diterima termasuklah siasatan polis yang lewat, salah guna

kuasa, keganasan polis, penahanan tanpa penjelasan, kematian dalam tahanan, dan tidak membenarkan perhimpunan awam (SUHAKAM, 2018).

Antara masalah lain yang dilaporkan juga adalah tiada tindakan yang dijalankan terhadap laporan polis yang telah dibuat oleh masyarakat. Malah pihak polis dikatakan mendiamkan diri dan membiarkan kegiatan jenayah seperti sindiket-sindiket haram berleluasa di satu-satu kawasan. Tambahan lagi terdapat pegawai polis yang mempunyai kerjasama dengan pengedar dadah dan sindiket judi dengan mengambil hadiah dan ganjaran tertentu (MalaysiaKini, 27 Disember 2020). Malah, pegawai polis juga turut terlibat dalam kes pengedaran dadah kepada tahanan polis di dalam lokap (BH Online, 3 Disember 2020). Terbaharu, wujudnya kegiatan kartel dalam kalangan pegawai polis sama ada berpangkat rendah dan atasan yang menggunakan kedudukan bagi kepentingan peribadi mereka (BH Online, 1 April 2021).

Walaupun kes salah laku ini melibatkan hanya sebilangan kecil anggota polis, tetapi ia boleh memberi persepsi yang negatif daripada masyarakat kepada pasukan polis ini. Perkara ini dianalogikan sebagai ‘epal busuk’. Analogi ‘epal busuk’ membawa pengertian meskipun kegiatan salah laku dan masalah dalam kalangan pegawai polis dalam peratusan yang kecil, namun perkara ini boleh menyebabkan berlakunya norma membiasakan masalah salah laku dalam kalangan pegawai polis (Barker & Carter, 1994). Justeru itu, kes seumpama ini perlulah dibendung awal kerana ia umpama barah, jika tidak diatasi lebih awal, gejala ini dikhuatiri akan merebak dan menyebabkan lebih ramai anggota terlibat dengan masalah rasuah dan salah laku.

Masalah salah laku dan kemerosotan integriti dalam kalangan pegawai polis menjadi tanda tanya kepada tahap kesedaran pegawai polis terhadap Pelan Integriti PDRM yang telah melalui beberapa siri penambahbaikan. Ini kerana, Nor Kalsum (2016) mendapatkan kejayaan sesuatu program atau usaha yang dilakukan mempunyai hubungan rapat dengan kesedaran individu terhadap program, dasar atau usaha yang sedang dijalankan. Kesedaran yang wujud dalam diri individu akan membantu mempertingkatkan pemahaman terhadap program yang dijalankan (Zainora, 2012). Kesedaran juga dapat meningkatkan kejayaan program dan usaha yang dijalankan. Pengetahuan, pemahaman, sikap dan pandangan individu dalam program yang dijalankan penting untuk menentukan tingkah laku dan amalan mereka berdasarkan apa yang dirancang dalam program tersebut (Emanual & Adams, 2011).

Antara model yang digunakan untuk mengukur kesedaran individu adalah dengan menggunakan model KAP (*Knowledge, Attitude, Practices*) yang merujuk kepada pengetahuan, sikap dan amalan individu terhadap program yang dijalankan (Mahmud & Siarap, 2013; Fan et al., 2018). Berdasarkan model KAP, sikap individu terhadap sesuatu perkara boleh dipertingkatkan menerusi peningkatan pengetahuan terhadap perkara tersebut. Perubahan sikap kepada yang lebih positif terhadap perkara tersebut juga dapat mempengaruhi amalan yang akan diperlakukan oleh individu tersebut. Elemen asas dalam model KAP adalah pengetahuan akan menentukan sikap dan amalan individu terhadap sesuatu perkara. Kenyataan ini juga disokong oleh Kaiser et al., (1999) dan Leandre et al., (2006) yang merujuk kepada pengetahuan sebagai tapak asas kepada pembinaan sikap dan amalan individu.

Namun begitu, model KAP telah mendapat kritikan oleh sarjana lain seperti Launialla (2009) dan Wan et al., (2016). Kritikan tersebut menyatakan pembentukan sikap dan amalan terhadap persekitaran individu merupakan suatu perkara yang kompleks. Pengukuran dalam pengetahuan terhadap sesuatu perkara tidak menjamin perubahan sikap dan amalan individu. Tambahan lagi, (Davey, 2012) menyatakan banyak faktor situasi sekeliling individu yang akan mempengaruhi sikap dan amalan terhadap sesuatu perkara. Faktor situasi tersebut boleh merujuk kepada kekangan, tekanan sosial, peluang untuk bertindak yang boleh menghalang individu mengamalkan perkara yang diketahui. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti kesedaran terhadap pelan integriti PDRM dalam pegawai polis, kajian ini akan menggunakan model KAP dan turut melihat satu lagi elemen iaitu elemen situasi agar pengukuran yang digunakan menjadi lebih komprehensif.

Pemilihan model KAP sebagai model yang memandu kajian ini adalah disebabkan model KAP dapat memahami realiti senario yang berlaku dalam suatu perkara serta dapat meningkatkan kefahaman mengenai pengetahuan, sikap dan amalan subjek terhadap sesuatu perkara. Model KAP juga dapat dapat dijadikan sebagai kayu ukur kepada keberkesanan sesuatu program dan memahami perubahan-perubahan yang berlaku terhadap amalan subjek (Gumucio et al., 2011). Seperti dalam kajian Naresh et al., (2021) yang telah menggunakan model KAP dalam mengenal pasti pengetahuan, sikap dan amalan pegawai polis di India terhadap program kesedaran wabak Covid-19. Penggunaan model KAP juga digunakan oleh pasukan polis Australia untuk mengenal pasti keberkesanan program-program yang telah dijalankan terhadap pasukan pegawai polis Australia (Sustineo, 2015).

